



PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM.PEND.100-1/5/1(9)

Tarikh : 25 Ogos 2023

**PEKELILING PERKHIDMATAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2023**

**PINDAAN PELAKSANAAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA
(MyPPSM)**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk Universiti Putra Malaysia menerima pakai dengan pindaan berdasarkan surat edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM).

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengemaskini Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan (PP), Surat-Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) dan Surat Edaran (SE) yang dikeluarkan oleh JPA kepada pelaksanaan MyPPSM.

3. MyPPSM ini dilaksanakan dalam dua fasa iaitu fasa pertama yang melibatkan semakan ke atas PP/SPP/SE yang tidak mempunyai unsur kewangan. MyPPSM fasa pertama ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022. Selepas tarikh tersebut, PP/SPP/SE yang terlibat akan dibatalkan dan rujukan dipindahkan kepada PP/SPP/SE dalam format MyPPSM. Senarai PP/SPP/SE yang dibatalkan masih boleh dirujuk di ruangan arkib portal MyPPSM. Pembangunan fasa kedua MyPPSM akan diteruskan bagi PP/SPP/SE yang mempunyai unsur kewangan.

4. Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mula menerima pakai MyPPSM bermula dari tahun 2022 secara berperingkat dengan pindaan yang bersesuaian untuk diguna pakai atau dilaksanakan di UPM.

PELAKSANAAN

5. Pejabat Pendaftar melalui Mesyuarat Pengesahan dan Pelaksanaan Surat Edaran Bilangan 2 Tahun 2022 telah memutuskan untuk menerima pakai secara keseluruhan MyPPSM yang telah dibangunkan oleh JPA dengan pindaan berikut:

- i. Ceraian MyPPSM yang telah diluluskan dengan pindaan oleh Lembaga sebelum ini kekal diterima pakai sebagai Pekeliling Perkhidmatan Universiti Putra Malaysia;
 - ii. Ceraian MyPPSM selainnya akan diguna pakai sepenuhnya oleh Universiti Putra Malaysia sehingga terdapat keperluan dan permohonan pindaan yang akan dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan lanjut; dan
6. Pindaan Pekeliling yang diterima pakai oleh UPM boleh dirujuk di laman sesawang Pejabat Pendaftar Universiti Putra Malaysia.

PEMBATALAN

7. Kelulusan Lembaga terhadap penerimaan pakai pekeling perkhidmatan terdahulu adalah dibatalkan dengan berkuat kuasanya penerimaan pakai MyPPSM. Ini bertujuan untuk memastikan peraturan-peraturan berkenaan sentiasa relevan dan memudahkan proses rujukan untuk dijadikan panduan oleh pegawai Universiti Putra Malaysia.

TARIKH KUAT KUASA

8. Lembaga Pengarah Universiti ke-171 bertarikh 21 Jun 2023 melalui MINIT 171/12 telah bersetuju meluluskan Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 28 Julai 2023.

"MALAYSIA MADANI"

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAZAM BIN MANSOR)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia